

Program Mobiliti Enactus UMP rentas India

BERITA HARIAN CVARSITI KEMBARA/GLOBAL 16 JUN 2016 m/s 9



Murid dari sekolah sekitar Delhi tekun mendengar perkongsian ahli Kelab Enactus UMP.



Enactus UMP akan terus berkhidmat kepada masyarakat yang kurang berkemampuan dan memerlukan bantuan kewangan tambahan selain misi kemanusiaan antarabangsa”

Nurul Izzati Ahmad,
Pengarah Program Mobiliti Enactus (Delhi)

Kuala Lumpur: Lawatan ahli Kelab Enactus Universiti Malaysia Pahang (UMP) ke Delhi, India, baru-baru ini memberi pendedahan bermanfaat kepada peserta khususnya membabitkan bidang keusahawanan sosial.

Program Mobiliti Enactus anjuran Pusat Keusahawanan UMP dengan kerjasama Pusat Kesihatan Universiti (PKU) UMP itu memberi tumpuan kepada perkongsian pengetahuan dan pengalaman dengan pihak Enactus Indian Institute of Technology (IIT) Delhi.

Penasihat Projek Enactus UMP, Mohamad Ridzuan Mohamed Ali

Jinnah, berkata program itu berjaya menanam sikap mengutamakan penjagaan kesihatan dalam kalangan masyarakat di India.

“Enactus IIT Delhi adalah johan Enactus India National Cup dan mewakili India ke Pertandingan Piala Dunia di Afrika Selatan pada tahun lalu, justeru lawatan penanda aras ini sangat membantu kepimpinan Enactus UMP dalam merancang idea bagi membangunkan usaha ini ke tahap lebih tinggi.

Cetus idea baharu

“Ada beberapa cadangan dan pandangan dikemukakan untuk memberi nafas baharu khususnya buat

Enactus UMP yang baru menceburi bidang keusahawanan sosial,” katanya.

Program selama enam hari itu turut disertai Pengarah Pusat Keusahawanan, Prof Dr Azlinna Azizan dan Penasihat Enactus UMP, Datin Mazita Mokhtar bersama dua staf UMP, Ramddan Zahari dan Azeri Adnan.

Dalam program itu, peserta juga berpeluang mengadakan pertemuan dua hala dengan Perunding Eksekutif IIT, Prof Somarajan bagi melihat sendiri sistem inkubator keusahawanan iaitu antara sistem keusahawanan terbaik di India yang dikelolai oleh Pusat Keusahawanan IIT.

Mohamad Ridzuan ber-

kata, perbincangan dengan Enactus IIT berjaya menemukan satu keputusan bagi kerjasama dalam membantu usaha komuniti setempat.

Khidmat komuniti

Katanya, projek terkini Enactus UMP iaitu ‘Nadi Craft’ dilihat bersesuaian untuk dijalankan di kawasan sekitar India kerana berkaitan permasalahan sisa buangan pertanian yang banyak dan tidak diuruskan dengan betul.

“Kami turut menekankan aspek kebersihan dan penjagaan diri khususnya bagi kanak-kanak untuk mengeringkan penyebaran virus menulari modul penjagaan diri dengan membasuh tangan

dan memberus gigi,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Program, Nurul Izzati Ahmad, 23, berkata beliau berbangga dengan komitmen ahli kelab untuk terus mendukung aspirasi UMP bagi menjadi sebuah ‘universiti komuniti’ melalui agenda kesukarelawan serta khidmat komuniti pada peringkat tempatan serta global secara strategik dan berkesan.

“Dua projek utama iaitu Nadi Craft dan Projek Serai Wangi di kawasan Bukit Kenau, Pekan adalah projek berimpak tinggi yang akan dipertandingkan dalam Enactus Malaysia National Cup kelak,” katanya.